



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “KEWAJIPAN MEMBAYAR CUKAI TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

26 Januari 2024 / 14 Rejab 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ

﴿قَالُوا يٰذَا الْقَرْنَيْنِ اِنَّ يٰجُوجَ وَمَاجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْاَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلٰى اَنْ تَجْعَلَ

بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿١٦﴾﴾

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّينِ. اَمَّا بَعْدُ، فَيٰا عِبَادَ اللهِ! اتَّقُوا الله<sup>3</sup> اَوْصِيكُمْ وَايَايَ بِنِقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Para tetamu Rumah Allah yang dimuliakan,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dilimpahi rahmat Ilahi. Pada hari ini khatib akan menyampaikan khutbah bertajuk:

### “KEWAJIPAN MEMBAYAR CUKAI TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kestabilan ekonomi negara dan memelihara harta awam merupakan *Maqasid Syariah* yang dituntut, dan tugas mencapainya merupakan tanggungjawab bersama yang perlu dipikul oleh setiap rakyat. Cukai merupakan salah satu sumber pendapatan yang amat penting bagi sesebuah negara. Hasil daripada cukai, digunakan oleh kerajaan untuk belanja mengurus dan membangunkan negara.

Kerajaan juga membelanjakan hasil daripada cukai untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan bagi tujuan keselamatan negara dan rakyat, pembangunan prasarana seperti membina jalan raya, perparitan, jambatan, hospital dan sekolah, menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sosial seperti perubatan, kesihatan, pendidikan dan kebajikan, serta untuk tujuan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

<sup>1</sup> Pujian kepada Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Dalam Islam, istilah cukai mempunyai persamaan dengan lafaz *al-kharaj* yang membawa maksud perolehan yang diambil daripada harta atau pendapatan seseorang, pendapatan harta awam, sewaan, perolehan daripada orang perseorangan atau tanah, juga membawa maksud kadar-kadar tertentu yang dikenakan. Pada asalnya, sebahagian besar konsep *al-kharaj* merujuk kepada cukai tanah, kemudiannya diguna pakai sehingga membawa kepada kewujudan pelbagai jenis cukai.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Kahfi ayat 94, yang khatib baca pada permulaan khutbah bermaksud:

“Mereka berkata: "Wahai Zulkarnain, sesungguhnya kaum Yakjuj dan Makjuj sentiasa melakukan kerosakan di bumi; Oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?"

Imam *Al-Syaukani* menjelaskan bahawa maksud *al-kharaj* dalam ayat tersebut adalah ‘daripada hasil pendapatan kami’. Ayat ini menjelaskan, pemimpin diharuskan mengumpulkan sumber pendapatan negara, iaitu cukai bagi memelihara kepentingan negara dan rakyat.

### **Jemaah yang dimuliakan,**

Khutbah pada hari ini menzahirkan penghargaan kepada **Jabatan Kastam Diraja Malaysia** bersempena **Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-42** yang disambut pada 26 Januari. Mimbar juga mengajak jemaah untuk memberikan perhatian dan memberikan sokongan terhadap usaha-usaha Jabatan Kastam memungut cukai untuk menambahkan hasil negara.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia bertanggungjawab sebagai pentadbir cukai tidak langsung di negara ini. Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga tidak hanya bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang, akan tetapi turut berperanan untuk membantu meningkatkan kefahaman masyarakat akan tujuan baik di sebalik pemungutan cukai, dengan harapan lebih ramai rakyat tampil ke hadapan untuk membantu menjayakan tugas-tugas Jabatan Kastam Diraja, di samping meningkatkan kesedaran rakyat agar secara sukarela mematuhi peraturan cukai dan bersedia membayar cukai secara jujur dan ikhlas.



Kewajipan membayar cukai merupakan tanggungjawab bersama, untuk membolehkan hasil negara ditingkatkan. Negara yang berjaya memperoleh hasil yang lebih tinggi, akan mempunyai dana yang lebih besar untuk dibelanjakan bagi tujuan pembangunan yang memberikan manfaat langsung kepada rakyat. Dengan dana yang lebih besar, negara dapat menambahkan kemudahan-kemudahan perubatan, kesihatan, pendidikan, pengangkutan, perhubungan, perumahan dan pelbagai lagi yang sangat rakyat perlukan.

Rakyat yang setia, rakyat yang sayang dan rakyat yang patriotik terhadap negaranya, akan memenuhi tanggungjawab melunaskan cukai. Mengemukakan perakuan barangan bercukai secara palsu untuk mengelak daripada dikenakan cukai, bukan sahaja merupakan perbuatan keji, bersifat mengkhianati negara dan rakyat, malah telah melakukan dosa kerana gagal mematuhi tuntutan fardu kifayah, malah tuntutan fardu ain, terhadap rezeki yang Allah kurniakan kepada seseorang.

Difatwakan oleh *Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, perbuatan mengelak daripada membayar cukai menurut yang sewajibnya, dengan memberikan maklumat palsu berkenaan pendapatan sebenar, menyamai perbuatan berdusta, perbuatan yang merupakan salah satu dosa di sisi syarak. Sabda Rasulullah SAW, hadis riwayat al-Bukhari:

... وَإِنَّ الْكُذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكُذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا"

Bermaksud: “Manakala kedustaan membawa kepada kejahatan dan sesungguhnya kejahatan membawa kepada neraka. Sesungguhnya tidaklah seseorang itu melazimkan dirinya dengan kedustaan melainkan dia dicatat di sisi Allah sebagai seorang pendusta.”

### **Hadirin Rahimakumullah,**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia mempunyai tanggungjawab yang amat penting sebagai barisan pertama negara memerangi kegiatan penyeludupan. Penyeludupan menyebabkan negara hilang pendapatan melalui cukai, bermakna hasil negara berkurangan, yang pastinya menjejaskan keupayaan negara untuk membelanjakan dana bagi kebajikan rakyat. Malah, kekurangan dana kerajaan turut memberi kesan negatif



kepada usaha-usaha penguatkuasaan undang-undang untuk memulihara keselamatan negara dan keselamatan rakyat.

Mimbar mengajak sidang jemaah untuk menghayati inti pati khutbah agar menjadi pedoman dalam kehidupan, antaranya:

**Pertama:** Kita dituntut tidak berdiam diri terhadap kemungkaran atau perbuatan maksiat, kerana tugas *Amar Makruf Nahi Mungkar* diwajibkan kepada setiap insan yang mengaku beriman kepada Allah SWT dan Rasul Nya. Allah SWT akan menurunkan azab jika kita memilih bersikap berdiam diri atas perkara mungkar seperti peringatan yang terkandung dalam Sabda Rasulullah SAW:

"مَا مِنْ قَوْمٍ يُعْمَلُ فِيهِمْ بِالْمَعَاصِي، ثُمَّ يَقْدِرُونَ عَلَى أَنْ يُغَيِّرُوا، ثُمَّ لَا يُغَيِّرُوا، إِلَّا يُوْشِكُ أَنْ يُعَمَّهُمُ اللَّهُ مِنْهُ بِعِقَابٍ"

Bermaksud: “Tidaklah kemaksiatan yang dilakukan oleh suatu kaum, kemudian mereka (sebahagian daripada mereka) mampu untuk mengubahnya tetapi mereka tidak berbuat sedemikian, melainkan Allah SWT akan timpakan keseluruhan kaum tersebut dengan azab.”  
(Hadis Riwayat Ahmad)

**Kedua:** Kewajipan membayar cukai merupakan tanggungjawab semua rakyat. Haram hukumnya, perbuatan tidak membayar cukai atau membayar cukai secara mengelat, dengan tidak mengikut perkiraan yang betul dan tepat.

Hayatilah firman Allah SWT menerusi surah Ali Imran ayat 104;

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Bermaksud: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** bimbing kami untuk istiqamah melaksanakan tanggungjawab kepada negara melalui amalan membayar cukai. Limpahi negara kami perbendaharaan harta yang melimpah ruah dari pelbagai sudut yang Engkau redha, agar kami dapat menikmati kemakmuran, kestabilan dan kesejahteraan hidup.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.

## **SKRIP B**

### **Permakluman Sebelum Solat Jumaat**

#### **PENGENALAN :**

Pada Minggu Epidemiologi ke - 51 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,913 kes berbanding 3140 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 227 kes (7.2%). Turut terdapat empat (4) kematian akibat komplikasi demam denggi<sup>1</sup> dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke 51 tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke 51 adalah sebanyak 131 lokaliti berbanding 124 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 131 lokaliti yang dilaporkan, 106 lokaliti di Selangor, 10 lokaliti di WPKL & Putrajaya, lapan (8) lokaliti di Perak, tiga (3) lokaliti di Pulau Pinang, dua (2) lokaliti di negeri Kedah dan masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan dan Sabah<sup>1</sup>.

Sehingga 23 Disember 2023, jumlah kes Denggi di daerah Kinta yang dilaporkan adalah sebanyak 2606 Kes dan 1 kematian dilaporkan bagi daerah Kinta.

Denggi adalah satu penyakit yang disebabkan oleh jangkitan Virus Denggi. Virus ini disebarkan melalui kehadiran Nyamuk Aedes. Denggi boleh membawa maut dan tiada ubat khusus dalam melawan virus denggi.

Denggi dipindahkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk Aedes yang membawa virus. Sebaik sahaja seseorang itu digigit, virus Denggi akan memasuki dan beredar di dalam aliran darah lalu bermulalah penyakitnya.

Kawasan Kariah Masjid ini terletak di Kawasan wabak Denggi oleh itu, sila berikan perhatian dan ambil langkah – langkah yang disarankan.

#### **TANDA DAN GEJALA BAGI PENYAKIT DEMAM DENGGI (SIGN AND SYMPTOM)<sup>2</sup>**

- Demam yang tinggi secara mengejut, (suhu selalunya 38°C – 40°C)
- Sakit Kepala,
- Sakit dibelakang mata,
- Lenguh badan,
- Lenguh sendi,
- Manifestasi pendarahan
  - hidung berdarah - epistaxis,
  - pendarahan gusi dan
  - petekia: bintik – bintik pendarahan yang kelihatan pada kulit<sup>3</sup>.

Justeru, apabila terdapat tanda-tanda atau simptom-simptom ini maka pemeriksaan yang segera perlu dilaksanakan di mana – mana klinik kesihatan atau klinik swasta dan maklumkan anda berada dikawasan Wabak Denggi.

#### **LANGKAH – LANGKAH MENCEGAH NYAMUK AEDES ADALAH MUSUH UTAMA**

1. **Menghapuskan tempat pembiakan dan membunuh nyamuk dewasa** adalah strategi utama yang perlu dilakukan.

Nyamuk Dewasa

- Aedes terdapat 2 spesis/jenis
  - Ae-gip-tai → nyamuk aedes yang tinggal di dalam rumah
  - Al-bo-pic-tus → nyamuk aedes dipersekitaran atau luar rumah
- Bagi membunuh nyamuk dewasa langkah berikut diperlukan.
  - Benarkan pegawai kesihatan untuk menjalankan fogging didalam rumah
  - Jika anda tidak membenarkan maka sila lakukan semburan aerosol di dalam rumah
    - Aerosol Racun Nyamuk yang ada dipasaran boleh digunakan
    - Cara menggunakan aerosol bagi membunuh nyamuk dewasa adalah

- Bawa keluar semua penghuni termasuk haiwan peliharaan
  - Tutup semua tingkap dan pintu kecuali pintu hadapan
  - Tutup kipas, aircond atau ventilation fan
  - Sembur aerosol 45 darjah ke siling
  - Sembur 2 minit di satu – satu ruang (2 minit di bilik 1, 2 minit bilik dua dan seterusnya-termasuk ruang tamu, dapur dan sebagainya).
  - Akhir sekali tutup pintu hadapan dan tinggalkan rumah selama 20 – 30 minit.
  - Selepas 20 – 30 minit anda boleh memasuki rumah dan menjalani kehidupan seperti biasa.
  - Ulangi langkah di atas 2 – 3 kali seminggu untuk dua minggu atau tamat wabak denggi.
- Peringatan buat semua, fogging bukanlah satu – satunya kawalan bagi penyakit Denggi. Aktiviti tambahan selain fogging adalah seperti langkah seterusnya.
2. Jentik – jentik
- Daripada fasa telur, aedes akan menetas dan menjadi jentik – jentik dan pupa.
  - Fasa ini, aedes memerlukan air jernih dan bersih untuk hidup.
  - Satu sudu teh air jernih cukup untuk pembiakan jentik – jentik aedes.
  - Bagi menghapuskan jentik – jentik, menghapuskan tempat pembiakan adalah strategi utama.
  - Bekas yang berpotensi untuk membiakan jentik – jentik
    1. Barang lusuh
    2. Alas pasu bunga
    3. Tangki tandas
    4. Bekas air dispenser
    5. Tayar terpakai
    6. Perangkap semut
    7. Tray pingan
    8. Bekas semulajadi seperti pokok nenas, pokok pandan, pokok pisang
    9. Apa sahaja yang boleh menakung air jernih
  - Jika temui apa sahaja bekas yang boleh menakung air, anda diminta untuk melakukan tindakan seperti berikut.
    1. Jika bekas tadi tidak digunakan **SILA BUANG** dengan baik
    2. Jika masih mahu menggunakan, pastikan bekas itu **tertutup** dan tidak menakung air
    3. Jika bekas tersebut digunakan untuk menakung air, **sila tabur racun jentik – jentik**
  - Oleh yang demikian, lakukan langkah – langkah pencarian dan memusnahkan tempat pembiakan ini 10 minit sekali seminggu! <sup>1</sup>
3. Jika anda berada di luar rumah di kawasan Wabak Denggi. Anda disarankan untuk memakai baju lengan panjang dan seluar panjang panjang serta memakai repelan atau bahan penghalau nyamuk pada bahagian badan yang terdedah kepada gigitan nyamuk<sup>1</sup>. Ini akan mengurangkan risiko digigit nyamuk seterusnya mengelakan daripada terkena virus Denggi.

#### Rujukan

1. Abu Hassan MR. Situasi Semasa demam Denggi di Malaysia Minggu Epidemiologi 48 (26/11/2023-2/12/2023). *Kementerian Kesihatan Malaysia*. Published online December 12, 2023.
2. MOH Malaysia. *Case Definitions for Infectious Diseases in Malaysia*. 3rd ed.; 2017.
3. Dewan Bahasa dan Pustaka. Perkataan Petekia. In: *Dewan Bahasa Dan Pustaka*. 4th ed.; 2005.